



KENYATAAN RASMI PERKEMBANGAN TERKINI PEMPROSESAN PERMOHONAN PERAKUAN AMALAN TAHUNAN (PAT) 2026

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) ingin memaklumkan perkembangan terkini berhubung usaha berterusan dalam mempercepatkan pemprosesan dan pengeluaran Perakuan Amalan Tahunan (PAT) bagi tahun 2026. Sepanjang tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025, sebanyak 70,274 permohonan PAT telah berjaya diluluskan. Pada 31 Disember 2025, terdapat 13,603 permohonan yang masih tertunggak dan menunggu semakan lanjut.

Sehingga 8 Januari 2026, jam 8.00 pagi iaitu dalam tempoh lapan hari pertama tahun baharu, MPM telah berjaya meluluskan 10,088 daripada permohonan tertunggak tersebut. Secara teknikal, MPM telah selesai membuat semakan kesemua permohonan yang tertunggak. Baki permohonan telah dimajukan kepada pengamal perubatan untuk tujuan kemaskini maklumat atau penyelesaian kuiri.

Pengamal disaran menyemak status permohonan pada sistem MeRITS secara berkala, kerana bagi pengamal yang menerima kuiri perlu memberikan maklum balas dan melengkapkan kemaskini dengan kadar segera bagi membolehkan MPM memuktamadkan proses kelulusan tanpa sebarang kelewatan tambahan.

MPM kekal komited untuk memastikan semua permohonan PAT diproses dalam tempoh yang ditetapkan, tertakluk kepada pematuhan syarat dan kelengkapan dokumen yang dikemukakan oleh pengamal perubatan. Pada masa yang sama, langkah-langkah penambahbaikan dalaman sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan sistem dan mengelakkan isu yang sama daripada berulang pada masa hadapan.

MPM menghargai kesabaran dan kerjasama para pengamal perubatan sepanjang tempoh ini. Keutamaan kami adalah memastikan kelangsungan amalan perubatan yang sah di sisi undang-undang serta menjamin perlindungan profesional kepada semua pengamal perubatan di Malaysia.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

8 JANUARI 2026